

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

BMT 203/3 - Genetik Mikrob

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BMT 203/3]

1. Terangkan peranan protein tersebut dalam aktiviti replikasi DNA *E. coli*.

PoIA (DNA polimerase I)

Helikase


DNA ligase

Primase

DnaQ

(20 markah)

2. (a) Anda telah berjaya memencil strain Hfr berfenotip Phe⁺ Leu⁺ yang mempunyai jujukan F berintegrasi dalam kromosom seperti di bawah:



Terangkan bagaimana anda boleh memencil strain F['] Phe⁺ daripada strain Hfr ini. Anda dibenarkan mengguna strain F⁻ yang mempunyai kombinasi genotip pilihan anda sendiri.

Terangkan juga komposisi medium pemilihan yang akan anda gunakan.

(10 markah)

- (b) Satu kacukan konjugasi telah dilakukan antara *E. coli* strain Hfr met⁺ trp⁻ val⁺ dan strain F⁻ met⁻ trp⁺ val⁻. Berikut adalah keputusan yang diperolehi:

<u>Kelas rekombinan</u>	<u>Jumlah</u>
met ⁺ trp ⁺ val ⁻	3972
met ⁺ trp ⁻ val ⁻	17
met ⁺ trp ⁻ val ⁺	226
met ⁺ trp ⁺ val ⁺	581

Berikan tertib semua gen serta jarak antara mereka.

(10 markah)

3. Terangkan bagaimana perubahan kepada DNA tersebut boleh diperbaiki oleh sel *E. coli* :

Kesilapan penempatan bes oleh DNA polimerase III

Dimer timina

Tapak AP

Guanina termetilasi

Ruang semasa replikasi

4. (a) Empat strain mutan Trp^- *E. coli* telah diuji untuk pertumbuhan dalam media tertakrif yang mengandungi bahan perantara dalam laluan biosintesis triptofan (Lihat gambarajah). Keputusan berikut telah diperolehi:

Mutan	Korismat	Asid antranilik	Indol-3-gliserol fosfat	Triptofan
W	-	+	+	+
X	-	-	-	+
Y	-	-	+	+
Z	-	-	-	+

“+” pertumbuhan berlaku apabila bahan ditambah

“-“ pertumbuhan tidak berlaku walaupun bahan ditambah.

Dalam gen triptofan manakah terletaknya mutasi dalam setiap strain mutan tersebut. Berikan jawapan anda mengikut cara dibawah.

Mutan Gen

A *trp* ___

B *trp* ___

C *trp* ___


D *trp* ___

(8 markah)

- (b) Huraikan sistem kawalaturan atenuasi untuk operon triptofan dalam *E. coli*.

(12 markah)

.../5-



PRA = Phosphoribosyl anthranilate

CDRP = 1-(O-Carboxyphenylamino)-1-deoxyribulose-5-phosphate

InGP = Indole glycerol phosphate

5. Berikan nama lima gen yang jika dimutasikan boleh menghalang pembentukan keadaan lisogeni. Terangkan jawapan anda dengan terperinci.

(20 markah)

6. (a) Huraikan sistem kawalaturan dalam *E. coli* yang berjaya mengawal ekspresi operon laktosa.

(14 markah)

- (b) Jelaskan tiga jenis mutan *E. coli* yang mempunyai peningkatan dalam penghasilan enzim β -galaktosidase.

(6 markah)